



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN TENDER
19 FEBRUARI 2020**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai tender berikut:

No. Tender	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak
T/SUKNS/ BIL.2/2020	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Di Kompleks Kraf, Jalan Keliling, Garaj Kenderaan Pejabat Sukns, Muzium Astana Raja Kota, Muzium Diraja Seri Menanti & Muzium Teratak Za'aba, Batu Kikir Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Peringatan: Kehadiran Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	220801	RM50.00 setiap satu borang	21/2/2020 (Jumaat) 3.00 petang Bilik Teratai, Tingkat G, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **24 Februari - 10 Mac 2020** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00** tengah hari **10 Mac 2020**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh dan masa ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender.